

## PERKEMBANGAN SISTEM VOKAL DIALEK HULU PERAK UTARA (DHPU): DAHULU DAN KINI

*NUR HABIBAH C.R.\**  
*Universiti Sains Malaysia*  
*nurhabibahcr@usm.my*

*RAHIM AMAN*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*  
*tuntas@ukm.edu.my*

*SHAHIDI A.H*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*  
*zedic@ukm.edu.my*

*\*Pengarang Perantara*

### ABSTRAK

Makalah ini membincangkan perincian sistem vokal dialek Hulu Perak Utara (DHPU) merentasi peredaran masa. Kajian ini dilakukan untuk menghurai sistem vokal DHPU dan seterusnya mengenalpasti evolusi yang berlaku melalui perbandingan dengan Melayik Purba (MP), Adeelar (1992) dan bahasa Melayu Purba (BMP) oleh Asmah (2008). Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis perbandingan kualitatif yang dilakukan secara sinkronik dan diakronik. Matlamat sinkronik ini dipenuhi melalui pendeskripsian sistem vokal DHPU. Manakala matlamat diakronik dilakukan dalam merekonstruksi, meneliti perkembangan sistem vokal DHPU berdasarkan inovasi dan retensi yang dibandingkan dengan sistem vokal MP serta BMP. Pengumpulan data di lapangan menggunakan metode cakap yang disusuli dengan teknik temu bual semuka secara langsung dan tidak langsung. Data daftar kata melibatkan sembilan bidang semantik, iaitu waktu, bilangan, anggota tubuh badan, alat kelengkapan rumah, binatang, kekeluargaan, kata ganti nama, alam persekitaran dan emosi dan perbuatan. 9 kampung dipilih mewakili 9 varian HPU. Terdapat dua dapatan utama hasil daripada kajian yang dilakukan. Pertama, DHPU tergolong dalam dialek yang memiliki 'sistem enam-vokal'. Kedua, evolusi sistem vokal DHPU mengalami 4 jenis retensi dan 2 jenis inovasi melalui perbandingannya dengan MP, namun sistem vokal DHPUP adalah refleks langsung daripada BMP iaitu mengekalkan sistem enam-vokal. Implikasi daripada kajian ini dapat memberikan perspektif yang lebih jelas dan terkini terhadap kajian awal vokal DHPUP sebelum ini dan diharap memberi sumbangan dalam pembinaan semula bahasa Melayu Purba.

**Kata kunci:** bahasa Melayu Purba, dialek Hulu Perak Utara, perbandingan kualitatif, sistem enam-vokal, vokal purba.

## THE DEVELOPMENT OF NORTH HULU PERAK DIALECT (NHPD) VOWEL SYSTEMS: PAST AND NOW

### ABSTRACT

This paper aims to discuss the details of North Hulu Perak Dialect (NHPD) vowel system across the passages of time. This study is an effort to identify the evolution that occurred in NHPD vowel system, through comparison with Ancient Malay (AM), by Adeelar (1992) and Ancient Malay Language (AML) by Asmah (2008). The methodology used in this study is qualitative comparative analysis that is conducted synchronically and diachronically. The synchronic method is fulfilled through the description of the NHPD vowel system, while the diachronic goal is done in reconstructing, examining the development of the NHPD vowel system based on innovation and retention compared to the AM and AML vowel system. Field data collection used speaking methods followed by direct and indirect face-to-face interview techniques. The word list data involves nine semantic fields, namely time, numbers, body parts, household appliances, animal, family, pronouns, environment and emotions and actions. 9 villages were selected to represent 9 NHP variants. There are two main findings from the study. First, NHPD belongs to a dialect that has 'six-vowel systems'. Second, the evolution of the NHPD vowel systems shows 4 types of retention and 2 types of innovation through comparison with AM, but the NHPD vowel system is a direct reflex from the AML, which is to maintain the six-vowel system. The implications of this study can provide a clearer and more up-to-date perspective on the earlier study of NHPD vowels and is expected to contribute to the reconstruction of the Ancient Malay language.

**Kata kunci:** Ancient Malay language, North Hulu Perak dialect, qualitative comparison, six vowel-systems, ancient vowels.

### PENGENALAN

Negeri Perak adalah negeri yang keempat terbesar di Malaysia, selepas Negeri Sarawak, Sabah dan Pahang. Negeri Perak dikenali sebagai *Perak Darul Ridzuan* yang diketuai oleh seorang Sultan sebagai pemerintah utama. Negeri Perak terletak dalam Semenanjung Malaysia yang mempunyai keluasan kira-kira 8, 110 batu persegi dan panjangnya pula dari utara ke Selatan ialah 155.5 batu persegi dan lebarnya pula dari timur ke Barat kira-kira 96 batu (A. Halim Nasir, 1977:3). Kedudukan ini menjadikan negeri Perak antara yang paling banyak bersempadan dengan negeri-negeri lain.

Bahagian utara negeri Perak bersempadan dengan dua buah negeri, iaitu Kedah dan Pulau Pinang (Seberang Perai), manakala di sebelah timur Perak, bersebelahan dengan negeri Kelantan yang dipisahkan dengan Banjaran Gunung Titiwangsa. Perak juga bersempadan dengan Selatan

Thailand. Di sinilah kawasan kajian yang akan dilakukan, Hulu Perak Utara. Daerah Hulu Perak yang terletak di Utara Perak merupakan daerah paling besar dalam negeri Perak. Terdiri daripada tiga daerah kecil, iaitu Lenggong, Grik dan Pengkalan Hulu yang berkeluasan 6563.6 km persegi. Kajian yang dilakukan ini hanya akan menumpukan dialek Melayu Patani di Hulu Perak Utara (HPU) yang melibatkan daerah Grik dan Pengkalan Hulu.

Majoriti masyarakat yang bermaustatin dalam daerah ini adalah terdiri daripada orang Melayu Patani. Sejarah mencatatkan orang-orang Melayu Patani adalah mereka yang terawal membuka hutan dan membuat penempatan di Hulu Sungai Perak. Umum mengetahui dialek harian yang dituturkan masyarakat di sini ialah dialek Melayu Patani. Ringkasnya, dialek Melayu Patani dituturkan secara meluas di Selatan Thai iaitu di wilayah Narathiwat, Yala dan sebahagian wilayah Songkla. (Ruslan Uthai 2011:19). Manakala di semenanjung Malaysia, dialek Melayu Patani dituturkan di Terengganu, Kelantan, sebahagian kawasan Kedah iaitu daerah Sik, Mahang, Kupang dan Baling serta di Perak meliputi kawasan Hulu Perak, dan Larut Matang Selama (Tajul Arippin, 2014).

Kini, dialek Melayu Patani di Perak Utara mula diberikan tumpuan dan giat dijalankan oleh para sarjana bermula pada awal abad ke 20-an. Hal ini kerana kesedaran tentang unik dan eksotiknya dialek HPU. Uniknya dialek HPU ini kerana memiliki beberapa varian yang berbeza hanya dalam daerah tersebut. Buktinya kajian-kajian yang dilakukan oleh Tajul Arippin (2014), Norhashimah (2015), Siti Noraini et.al (2014) dan Sakinah & Fazal (2016) membincangkan penemuan varian-varian di HPU berlandaskan tujuan dan matlamat masing-masing. Misalnya, dapatan kajian Tajul Arippin (2014) menemukan daerah Hulu Perak mempunyai lebih daripada lima subdialek Melayu Pattani berdasarkan perbandingan yang dilakukan terhadap proses-proses fonologi dalam dialek di daerah tersebut. Begitu juga dengan kajian Norhashimah (2015), Siti Noraini et.al (2014), mereka melakukan kajian berteraskan geolinguistik dengan membuat perbandingan terhadap beberapa leksikal untuk melihat keberadaan varian-varian di Hulu Perak. Sakinah & Fazal (2016) pula melihat kepelbagaian varian Hulu Perak dari aspek sintaksis, iaitu meneliti bentuk dan kedudukan kata tanya di Perak Utara.

Ekoran daripada ini, satu kajian pendeskripsian sistem fonologi dialek HPU harus dilakukan supaya keberadaan sistem dialek HPU mendapat penjelasan sewajarnya seperti sistem fonologi dialek asas Perak yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, untuk kajian ini hanya difokuskan kepada sistem vokal dialek HPU dan evolusinya sahaja, dengan harapan ia akan menjadi asas kepada usaha yang lebih besar seperti rekonstruksi dialek HPU dan memberi inventori dalam rujukan linguistik sejarawi.

## **PERMASALAHAN DAN KAJIAN LITERATUR**

Kajian dialek Perak telah banyak dilakukan oleh para sarjana terdahulu. Jika ditelusuri dari selatan sehingga ke utara Perak, pelbagai kajian telah pun dihasilkan. Namun, hasil tinjauan yang dilakukan terhadap kajian-kajian tersebut, pengkaji dapati masih ada kekosongan perlu diterokai di kawasan Hulu Perak Utara (HPU). Hal ini dibuktikan dengan kajian-kajian lepas banyak menumpukan kajian dialek asli dialek Perak iaitu bahagian Perak Tengah yang menganjur ke Selatan. Sebagai contoh, kajian Raja Mukhtaruddin (1986), Abu Bakar Hamid (1962), dan Zaharani Ahmad (1991).

Kajian Ismail Hussien (1973), Harun Mat Piah (1983) dan Asmah Haji Omar (2008) membincangkan dialek Melayu di Malaysia dalam konteks yang umum dan menyeluruh. Semua

perihal dialek Melayu seperti dialek Perak, dialek Kedah, dialek Kelantan, dialek Pahang, dialek Terengganu dan lain-lain dibincangkan daripada beberapa aspek bahasa seperti fonologi, morfologi dan lain-lain. Contohnya dalam ketiga-tiga kajian ini, ada membincangkan pengelompokan setiap dialek Melayu di Malaysia. Namun, masing-masing mempunyai pendapat yang berbeza dalam pengelompokan yang dilakukan. Jika difokuskan terhadap dialek Perak dalam kajian mereka, Ismail Hussien (1973) telah mengelompokkan dialek Perak terdiri daripada lima kumpulan iaitu: (1) Utara Perak – didiami imigran Patani tuturkan dialek Patani (banyak persamaan fonologinya dengan dialek Terengganu); (2) Pantai Barat Laut menuju ke selatan Dinding – dialek Kedah; (3) dialek Sungai Perak – Kampung-kampung sepanjang sungai Perak, selatan kampung Gajah sehingga Parit; (4) Pulau Sayong – *small pocket* di Sungai Perak menghala Kuala Kangsar; (5) dialek kosmopolitan – Perak Tengah bermula Kuala Kangsar sehingga Selatan menuju bandar-bandar besar Perak.

Harun Mat Piah (1983) dalam kajiannya mengelompokkan dialek perak kepada enam bahagian iaitu; (1) dialek Kedah dan Pulau Pinang (dialek Utara) – daerah Kerian yang termasuk Parit Buntar dan Bagan Serai ke Taiping; (2) dialek Kuala Kangsar – Kuala Kangsar, Padang Rengas, Sayong, sehingga Lenggong; (3) dialek Parit/dialek Sungai Perak – daerah Bota iaitu Parit, Bota dan Kampung Gajah; (4) dialek Patani – daerah Hulu Perak terdiri daripada Gerik dan Klian Intan; (5) bahasa standard – Ipoh, Batang Padang sehingga Tanjung Malim; (6) dialek Pemandang – dialek Rawa, Batak, Mendaling misalnya di Bangan Datoh, Teluk Intan dan Sabak Bernam. Berbeza Asmah (1985) mengelompokkan dialek Perak kepada lima bahagian iaitu; (1) Hulu Perak dan Larut Matang – dialek Patani; (2) Taiping ke utara - dialek Kedah; (3) Parit dan Kuala Kangsar – dialek Perak; (4) Ipoh ke Selatan – jenis Selangor; dan (5) Gopeng dan Selama – dialek Rawa.

Seterusnya, berdasarkan pemerhatian pengkaji, kajian dialek asli Perak iaitu di bahagian selatan Perak telah banyak dilakukan oleh para sarjana sejak abad ke-18 lagi. Kajian tersebut termasuklah yang dilakukan oleh para mubaligh ketika itu. Kini, kajian-kajian dialek Perak yang dilaksanakan oleh para pengkaji telah menyentuh semua aspek bahasa seperti aspek fonologi, morfologi, sintaksis, sosiolinguistik, perkamusan dan sebagainya. Kajian sosiolinguistik oleh Nor Hisyam Osman (1994) yang dilakukan di Ulu Dedap, Perak membahaskan pemilihan bahasa yang dilakukan oleh penduduk kawasan kampung tersebut. Manakala kajian perkamusan oleh Norliza Jamaluddin (2002) yang bertajuk ‘Pentakrifan dialek Perak dalam Kamus’ dilakukan adalah untuk menghuraikan aspek takrifan yang terdapat dalam kamus Ekabahasa Bahasa Melayu, Kamus Dewan Edisi -3.

Kajian Zaharani Ahmad (1991), Rohani (2003) dan Tajul Arippin (2002; 2014) lebih terfokus pada daerah atau kawasan tertentu. Contohnya kajian Zaharani Ahmad (1991) yang meneliti aspek fonologi dan morfologi dalam dialek Perak di Bota. Menurut Zaharani Ahmad (1991) kajian yang dilakukan ini penting, kerana beliau ingin mengangkat Bota sebagai kawasan yang menuturkan dialek asli Perak. Oleh itu, pendekatan teori fonologi generatif digunakan oleh Zaharani Ahmad (1991) untuk mendeskripsikan fonologi dialek di Bota. Begitu juga Tajul Arippin (2014), beliau menggunakan pendekatan yang sama iaitu teori fonologi generatif dalam menganalisis fonologi dialek Melayu Pattani di Gerik, Lenggong dan Batu Kurau Perak. Tajul (2014) menfokuskan persamaan dan perbezaan proses-proses fonologi yang timbul antara ketiga-tiga daerah tersebut. Seterusnya Rohani (2003) mengkaji dialek geografi di daerah Kuala Kangsar. Dapatan kajian yang dilakukan terhadap varian di Kuala Kangsar menjadikan kawasan tersebut sebagai zon transisi dialek, namun masih mengekalkan dialek asli Perak.

Menjelang abad ke 21, barulah timbulnya kajian dialek di HPU. Hampir tiga abad lamanya dialek HPU ini tidak difokuskan dalam kajian dialek Melayu di Malaysia. Keadaan ini tidak menghairankan kerana status kawasan daerah HPU pada ketika itu, adalah ‘kawasan hitam’ kekejaman komunis pada era 1940-1980an. Namun zaman berubah. Kini, dengan perkembangan teknologi yang canggih, ia telah membawa dimensi baharu dalam kajian dialek. Siti Noraini et al. (2014) dan Norhashimah (2015) antara pengkaji pemula yang menggunakan Sistem Maklumat Geografi atau GIS dalam kajian dialek mereka. Kedua-dua kajian ini menfokuskan kajian dialek Melayu Patani di Perak Utara. Usaha ini sangat baik kerana pemetaan peta yang dibuat di HPU memaparkan dengan lebih jelas perilaku yang berlaku dalam dialek HPU.

Namun begitu, setelah diamati amat kurang kajian yang memberi tumpuan kepada keberadaan dialek di Hulu Perak Utara secara tuntas dalam sistem fonologi dialeknnya. Tidak dapat diakui bahawa ada kajian yang memperlihatkan ciri fonologi dialek HPU secara tidak langsung, misalnya dalam kajian Asmah (2008) Tajul Arippin Khasin (2001; 2014). Tetapi kajian tersebut tidak memperincikan secara mendalam sehingga kajian rekonstruksi fonem dialek, yang bisa memperhalusi perkembangan sesebuah dialek dari semasa ke semasa. Dalam kajian Asmah (2008), Ulu Perak merupakan sebuah kawasan yang dihuni oleh masyarakat Melayu yang menuturkan dialek Patani, khasnya meliputi kawasan Grik, Klian Intan dan Temenggor. Terdapat beberapa perkara yang dibincangkan dalam kajian Asmah ini. Salah satunya hal berkaitan perbandingan dialek asas Perak, iaitu dialek Parit dengan dialek Patani (Larut Matang dan Selama). Asmah menyenaraikan sebanyak 8 vokal dalam dialek Patani, iaitu pertambahan vokal [ɛ̃] dan [ô] daripada dialek Parit. Perbezaan antara dialek Parit dan Ulu Perak terletak pada penyebaran vokal /a/ di akhir kata. Dalam subdialek Parit, pewujudan /a/ tersebut ialah sebagai vokal /e/, dalam dialek Patani (LM) pula, pewujudannya ialah /a/ seperti halnya dengan dialek Kedah. Selanjutnya, beliau menyatakan “...dalam dialek Patani terdapat tiga konsonan frikatif s, ř dan h yang sejajar dengan [R] dalam dialek Perak mempunyai penyebaran yang sama, iaitu pada akhir kata, ř yang didahului /a/, /u/ dan /o/ memperlihatkan persamaan dengan apa yang berlaku dengan [R] dalam dialek Perak. Tetapi [R] sesudah /i/ atau /e/ dalam dialek Patani digugurkan. Tambahan Asmah lagi, dalam dialek Perak, /l/ di akhir kata digantikan dengan [y] dan dengan demikian menghasilkan diftong /oy/, sedangkan dalam dialek Patani /l/ digugurkan tanpa perubahan pada nilai fonetik /o/ sebelumnya. Perbandingan yang dilakukan Asmah memperlihatkan dialek Patani LM mempunyai lebih banyak persamaannya dengan dialek Perak.

Oleh hal yang demikian, fokus utama kajian ini adalah untuk meneliti perkembangan fonologi dialek HPU merentasi masa terutamanya dalam perkembangan vokalnya. Keadaan ini amat perlu dan penting kerana ini merupakan perkara yang paling utama dalam memelihara keunikan data purba dialek daripada berlakunya kepupusan akibat perkembangan pesat sesebuah kawasan. Makanya kajian rekonstruksi yang pernah dilakukan Nur Habibah C.R., Rahim Aman dan Shahidi A.H (2021) dinilai semula terhadap rekonstruksi vokal Purbanya dalam memerihalkan perkembangan vokal dialek HPU kini. Dalam kajian ini, hasil rekonstruksi vokal yang dilakukan terhadap DHPUP adalah sebanyak 4 vokal purba /\*i, \*u, \*a,\*ə/. Namun, setelah penelitian semula dilakukan oleh pengkaji terhadap kajian tersebut, kajian vokal purba DHPUP ini perlu dilakukan kembali.

Oleh hal demikian, kajian ini akan meneliti vokal DHPUP yang sebenarnya dengan melakukan perbandingan dengan Melayik Purba (MP) oleh Adeelar (1992), dan vokal bahasa Melayu Purba oleh Asmah (2008). Seterusnya memperlihatkan perkembangan vokal DHPU kini,

dengan melakukan perbandingan terhadap vokal DHPUP (hasil rekonstruksi semula yang dilakukan dalam kajian ini).

## METODOLOGI

Kajian menggunakan kaedah kualitatif melalui pengumpulan data kepustakaan dan lapangan. Pengumpulan data di lapangan menggunakan metode cakap yang disusuli dengan teknik temubual semuka secara langsung dan tidak langsung, teknik daftar kata, teknik pengajuan gambar, teknik ikut serta, teknik rakaman, dan teknik catat. Kawasan kajian yang terlibat meliputi Gerik dan Pengkalan Hulu, Perak. 9 kampung dipilih mewakili 9 varian HPU, yakni varian Perah (PRH), varian Kerunai (KRN), varian Selarong (SLRG), varian Air Panas (APNS), varian Kuak Hulu (KHLU), varian Padang Kunyit (PDG KNYT), varian Bongor, (BNGR), varian Bersia Lama (BSLM), dan varian Simpang Pulai (SPG PLAI). Pemililihan informan berdasarkan akronim NORF (*N-native* (penutur natif), *O-old* (informan berusia), *R-rural* (kawasan pedalaman) dan *F-female* (wanita) yang diutarakan oleh Ajid Che Kob (2006), bersesuaian kajian yang dilakukan di Malaysia mahupun Asia. Pengkaji melakukan pemilihan informan adalah melalui risikan ketua-ketua kampung yang menetap di Pengkalan Hulu dan Gerik. Pengkaji akan menerangkan kriteria-kriteria yang harus ketua kampung penuhi untuk mencari informan yang sesuai dan menepati kehendak pengkaji. Seperti ada ciri NORF, tidak berpendidikan tinggi, dan mempunyai alat pertuturan yang sempurna. Jadi keseluruhan informan yang dipilih adalah sembilan orang, iaitu seorang informan mewakili satu kampung.

Seterusnya kaedah pemaparan dan analisis data dilakukan berlandaskan objektif yang digariskan dengan menggunakan pendekatan kualitatif perbandingan bahasa. Penganalisan data berpandukan kajian yang dilakukan oleh Mohd Tarmizi, Rahim Aman dan Shahidi A.H (2012), dan Nur Habibah C.R., Rahim Aman dan Shahidi A.H, (2021) iaitu secara sinkronik dan diakronik. Data yang terkumpul dianalisis segmen bunyinya secara sinkronik dan kaedah diakronik dengan melakukan rekonstruksi dan perbandingan bagi mengesan ciri inovasi dan retensi. Perbandingan yang dilakukan adalah berdasarkan vokal Melayik Purba (MP) yang direkonstruksi oleh Adeelar (1992), dan vokal bahasa Melayu Purba oleh Asmah (2008).

## DAPATAN KAJIAN

### Sistem Vokal Dialek Hulu Perak Utara

Pengamatan sistem vokal di Hulu Perak Utara (HPU) memperlihatkan kewujudannya menempatkan 2 vokal depan, 2 vokal tengah dan 2 vokal belakang. Dengan itu, di HPU memiliki enam vokal, iaitu /i/, /e/, /ə/, /a/, /u/ dan /o/. Keberadaan vokal-vokal tersebut dapat diinventorikan seperti dalam Jadual 1 berikut:

JADUAL 1. Sistem vokal dialek Hulu Perak Utara (HPU)

Kedudukan lidah	Depan	Tengah	Belakang
Tinggi	i		u
Separuh tinggi	e		o
Separuh rendah			
Madya		ə	

---

Rendah a

---

### Vokal Depan

Dialek HPU memiliki tiga buah vokal hadapan iaitu vokal depan tinggi /i/ dan vokal depan separuh tinggi /e/ Status vokal /i/ dan /a/ sebagai fonem yang utuh adalah sangat jelas dengan melihat penyebarannya. Vokal /i/ dan /a/ hadir pada semua posisi kata, iaitu posisi praakhir terbuka tertutup dan suku akhir terbuka dan tertutup. Manakala vokal /e/ penyebarannya hanya wujud pada posisi suku akhir kata sahaja.

#### Penyebaran Vokal Depan Separuh Tinggi /e/

Berdasarkan pada penyebaran vokal /e/ yang sangat terhad iaitu pada suku akhir sahaja dan dilihat sering berkontras dengan vokal /i/ dan /a/ pada suku kata akhir, sukar untuk menyatakan ia sebagai fonem. Walau bagaimanapun, pengkaji lebih terdorong untuk menetapkan /e/ adalah fonem kerana telah diuji melalui kaedah pasangan minimal dibawah.

1. [neʔ] “naik” ~ [naʔ] “mahu”

Bukti kedua yang menyatakan /e/ adalah sebagai fonem adalah berdasarkan contoh data, /e/ mempunyai alofon [aʏ] dan [ɛ]. Rujuk Jadual 2.

JADUAL 1. Alofon /e/ dalam suku kata akhir terbuka dan tertutup

Makna	Data HPU	Varian	Alofon vokal /e/
enam	[ne]	PRH, SLRG, APNS, KHLU dan BNGR	[e]
	[ne]	KRN, SPG PLAI, PDG KYT, dan BSLM	[ɛ]
pahit	[p <sup>h</sup> aʏʔ]	PRH, APNS dan BNGR	[aʏ]
	[p <sup>h</sup> eʔ]	SLRG, KHLU dan SPG PLAI	[e]
	[paheʔ]	KRN, PDG KNYT dan BSLM	[ɛ]
ke hilir	[kile]	PRH, SLRG, APNS, KHLU, BNGR, SPG PLAI	[e]
	[kilɛ]	KRN, PDG KYT, dan BSLM	[ɛ]

#### Penyebaran Vokal Depan Tinggi /i/ dan Vokal Depan Rendah /a/

Secara fonemiknya, vokal tinggi /i/ boleh menempati posisi awal kata, suku kata praakhir terbuka dan pada suku kata akhir, boleh menempati pada keadaan terbuka dan tertutup. Berdasarkan data yang diperolehi pada posisi awal kata /i/ tetap muncul sebagai [i] dalam semua varian HPU. Pada suku kata praakhir, /i/ direalisasikan dalam tiga alofon, iaitu [i], [e], dan [ɛ]. Kemunculan alofon ini dilihat tidak begitu stabil dan tidak tetap. Ini bermakna terdapat juga perkataan yang tetap mengambil /i/ sebagai [i] sebagai realisasinya dalam kesemua varian. Contohnya Jadual 3 di bawah:

JADUAL 3. Alofon /i/ dalam suku kata praakhir terbuka

Makna	Data HPU	Varian	Alofon vokal /i/
licin	[litʃiŋ]	BNGR, KRN, dan PDG KNYT	[i]
	[letʃiŋ]	SLRG, KHLU dan BSLM	[e]
	[letʃiŋ]	PRH, APNS dan SPG PLAI	[ɛ]
lima	[limo]	PRH, KRN, SLRG, dan BSLM	[i]
	[lima]	KHLU, PDG KNYT, dan BNGR	[i]
	[ləma]	APNS dan SPG PLAI	[ɛ]

Vokal /i/ pada suku kata akhir direalisasikan kepada empat alofon, iaitu [i], [iʲ], [e] dan [ɛ]. Alofon ini muncul dalam varian yang berbeza selain turut dipengaruhi oleh lingkungan tertentu. Dalam suku kata akhir terbuka, /i/ direalisasikan sebagai [iʲ], iaitu dianggap sebagai pendiftongan vokal tinggi oleh Collins (1983) sebagai contoh dalam data ini, [babiʲ], [dakiʲ] dan [matiʲ].

Seterusnya berkaitan vokal tengah rendah /a/. Penyebaran vokal /a/ boleh dilihat hadir pada posisi suku kata praakhir dan suku kata akhir. Dalam suku kata praakhir terbuka dan tertutup, /a/ direalisasikan sebagai [a] juga. Keadaan ini berlaku dalam semua varian HPU yang dikaji. Contohnya data dalam suku kata praakhir terbuka [anoʔ] “anak”, [aka:] “akal” dan [apiʲ] “api”. Contoh bagi suku kata praakhir tertutup pula, [takoʷʔ] “takut”, [baka] “bakar” dan [mata] “mata”. Berbeza dengan suku kata akhir, penyebaran kesejajarannya menunjukkan vokal /a/ lebih rencam, apabila kehadiran /a/ bersama lingkungan fonetik yang berlainan, seperti [-aŋ], [-am], [-an], [-ah], [-ak], [-ap], [-as], dan [-at] menghasilkan kesejajaran dengan beberapa alofon yang bersilih ganti mengikut varian.

### Vokal Tengah /ə/

Dalam dialek HPU, terdapat satu vokal tengah iaitu vokal tengah madya /ə/. Status vokal /ə/ ini adalah sebagai fonem yang autonom walaupun vokal /ə/ hadir pada suku kata awal. Hal ini kerana, vokal /ə/ dapat diuji dengan melakukan kaedah pasangan minimal, iaitu [kəbəh] “kaki kebas” dengan [kibəh] “mengibas”. Selain itu, vokal tengah madya /ə/ hadir secara geluncuran pada suku kata awal, yakni berlaku pelemahan sebutan misalnya dalam rangkap konsonan dalam varian tertentu. Berikut adalah contohnya dalam Jadual 4.

JADUAL 4. Penyebaran /ə/ dalam suku kata awal

Makna	Data HPU	Varian
Dekat	[dəkaʔ]	Semua varian
Timbul	[mʰlapoŋ]	PRH,
	[məlapoŋ]	KRN, BSLM
	[tələkʰoŋ]	KHLU
	[timbə]	SLRG, APNS, PDG KNYT, BNGR, dan SPG PLAI



## Vokal Belakang

Terdapat dua vokal belakang dalam dialek HPU, iaitu vokal belakang tinggi /u/, dan vokal belakang separuh tinggi /o/. Vokal /u/ telah dianggap sebagai vokal yang autonom. Manakala vokal /o/, situasinya hampir sama dengan penentuan vokal /e/. Yang mana, vokal /o/ ini sering berkontras dengan vokal /a/. Adakah statusnya hanya alofon /a/. Namun, vokal /o/ dalam HPU ini juga dianggap sebagai fonem yang utuh.

### Penyebaran vokal belakang tinggi /u/

Penyebaran vokal /u/ boleh berada pada suku kata praakhir terbuka dan tertutup. Begitu juga dalam suku kata akhir terbuka dan tertutup. Pada suku kata praakhir, /u/ kekal sebagai [u]. Contohnya dalam data Perah, [uda] “udang”, [ula] “ular” dan [guʋoh] “guruh”. Vokal /u/ dalam suku kata akhir terbuka direalisasikan kepada dua alofon, iaitu [u] dan [u<sup>w</sup>]. Contoh kata ialah [malu<sup>w</sup>] “malu”, [kulu<sup>w</sup>] “di hulu”, [batu<sup>w</sup>] “batu”, dan [gutu<sup>w</sup>] “kutu”. Dalam suku kata akhir tertutup pula, /u/ direalisasikan sebagai [u], [ɔ<sup>w</sup>] atau [o]. Keadaan ini dapat dilihat dalam Jadual 5.

JADUAL 5. Alofon suku kata akhir tertutup /u/

Makna	Data HPU	Varian	Alofon vokal /u/
jarum	[dʒaruŋ]	KRN dan PDG KNYT	[uŋ]
	[dʒaʋoŋ]	KHLU, BSLM dan SPG PLAI	[oŋ]
	[dʒaʋo <sup>w</sup> ŋ]	PRH, SLRG, APNS dan BNGR	[ɔ <sup>w</sup> ŋ]
takut	[tako <sup>w</sup> ʔ]	PRH, APNS dan BNGR	[ɔ <sup>w</sup> ʔ]
	[takoʔ]	KRN, SLRG, KHLU, PDG KNYT, BSLM dan SPG PLAI	[oʔ]

### Penyebaran vokal belakang separuh tinggi /o/

Terdapat dua bukti yang menyatakan vokal /o/ adalah fonem. Yang pertama, berdasarkan penyebaran yang dominan, iaitu boleh hadir dalam suku praakhir dan suku akhir. Di samping itu, vokal ini juga mengalami perendahan kepada [ɔ] dalam lingkungan kata tertentu mengikut varian. Sebagai contoh, [gosoʔ] dituturkan hanya dalam varian PRH dan BSLM, selebihnya, [gosoʔ]. Keadaan ini tidak membezakan makna, menjadikan [ɔ] adalah alofon kepada [o]. Kesimpulannya [ɔ] dalam varian KRN, SLRNG, APNS, KHLU, BSLM dan PDG KYT merupakan alofon kepada /o/. Contoh penyebaran dapat dilihat dalam Jadual 6 di bawah. Selain itu, untuk memperkukuhkan keutuhan /o/, kaedah pasangan minima dilakukan. Contoh kewujudannya dalam kata ini:

1. [kaso] “kasau” iaitu bahagian rumah dengan [kasa:] “kasar”
2. [s:akoʔ] “tersangkut” dengan [sakeʔ] “sakit”

JADUAL 6. Penyebaran Alofon /o/

Makna	Data HPU	Varian	Alofon vokal /o/
gosok	[gosoʔ]	PRH dan BSLM	[o]
	[gosoʔ]	KRN, SLRG, APNS, KHLU, SPG PLAI, BNGR, dan PDG KNYT	[ɔ]
mendung	[dʒao <sup>w</sup> ŋ]	KRN, BNGR dan SLRG	[ɔ <sup>w</sup> ]
	[dʒaoŋ]	KHLU, BSLM, SPG PLAI	[o]
		PRH APNS ʔəduʔ	-
		PDG KNYT ʔədup	-

### Perkembangan Sistem Vokal Dialek Hulu Perak Utara (HPU)

Setelah meneliti dan membuktikan kewujudan enam vokal di HPU, bahagian ini akan menyoroti perkembangan vokal yang telah dibincangkan. Tujuannya adalah untuk mengenalpasti inovasi dan retensi dalam sistem vokal tersebut melalui perbandingannya dengan Melayik Purba (MP). MP buat pertama kalinya direkonstruksi oleh Adeelar (1992). Pada tahap MP, sebanyak 4 vokal direkonstruksikan oleh beliau, iaitu dalam Jadual 7 di bawah:

JADUAL 7. Vokal MP

Kedudukan lidah	Depan	Tengah	Belakang
Tinggi	*i		*u
Madya		*ə	
Rendah	*a		

Berdasarkan inventori vokal MP yang dipaparkan ini, dan dibandingkan dengan inventori vokal dalam dialek HPU, wujud pertambahan vokal /e/ dan /o/. Kedua vokal ini adalah inovasi daripada MP, manakala empat vokal lagi iaitu /i, ə, a, u/ adalah retensi langsung daripada MP. Perbincangan di bawah ini mengemukakan data-data yang membuktikan berlakunya retensi vokal MP dalam dialek HPU.

- a) Retensi vokal MP\*i terjadi pada suku kata praakhir dan suku kata akhir seperti yang dipaparkan dalam Jadual 8 di bawah:

JADUAL 8. Retensi vokal MP \*i

Data	MP	Varian HPU
kiri	*kA-iri	PRH, SLRG, APNS, KHLU, SPG PLAI [k <sup>hi</sup> ʔiʔ]; BNGR, dan BSLM [kiʔiʔ]; PDG KNYT dan KRN [kiriʔ]
beli	*bəli	PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI [bəliʔ]

b)Dialek HPU retensi MP\*ə hanya terhad pada posisi suku kata praakhir sahaja seperti yang dipaparkan dalam Jadual 9 di bawah:

JADUAL 9. Retensi vokal MP \*ə

<b>Data</b>	<b>MP</b>	<b>Varian HPU</b>
dekat	*dəkat	PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM, dan SPG PLAI [dəkaʔ]
bengkak	*bəŋkak	PRH, KRN, SLRG, BNGR, BSLM, dan SPG PLAI [bəŋkaʔ]; APNS, KHLU, dan PDG KNYT [bəkaʔ]

c)MP\*a diretensikan dalam suku kata praakhir dan suku kata akhir

JADUAL 10. Retensi vokal MP \*a

<b>Data</b>	<b>MP</b>	<b>Varian HPU</b>
malas	*malas	PRH, KRN, dan PDG KNYT [malah]; SLRG, APNS dan BNGR [malaç]; KHLU, PDG KNYT, dan SPG PLAI [maleh]; BSLM [maleh]
anak	*anak	PRH, KRN, dan BSLM [anaʔ]; SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR [anaʔ]; SPG PLAI [aneʔ].
tangan	*taŋan	PRH, BSLM dan SPG PLAI [taŋɛ]; APNS, BGR dan KRN [taŋɛ]; SLRG [taŋɛŋ]; KHLU dan PDG KNYT [taŋaŋ]

d)MP\*u terjadi dalam suku praakhir dan suku kata akhir.

JADUAL 11. Retensi vokal MP \*u

<b>Data</b>	<b>MP</b>	<b>Varian HPU</b>
ular	*uləʏ	PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, dan SPG PLAI ula: ; BNGR dan BSLM ulə.
jarum	*jarum	PRH, SLRG, APNS, dan BNGR dʒaʏoŋ; KRN dan PDG KNYT dʒaruŋ; KHLU, BSLM dan SPG PLAI dʒaʏoŋ.
malu	*malu	PRH, KRN, SLRNG, APNS, KHLU, PDG KYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI malu <sup>w</sup> .

Selanjutnya, perbincangan data yang membuktikan berlaku inovasi vokal MP dalam dialek HPU. Contohnya:

a) Vokal [e] dan [ɛ] mengalami inovasi perkembangan daripada vokal MP \*i pada posisi suku kata praakhir. Namun adakalanya mengekalkan [i]. Manakala vokal [o] dan [ɔ] mengalami inovasi pada posisi suku kata awal daripada vokal MP \*u. Berikut adalah contohnya dalam paparan Jadual 12:

JADUAL 12. Inovasi vokal MP\*i

Data	MP	Varian HPU
merah	*miyah	PRH, SLRG, BNGR, BSLM dan SPG PLAI [mɛʋɔh]; KRN dan PDG KNYT [merah]; APNS dan KHLU [mɛʋah]
nipis	*nipis	PRH [nipeh]; KRN, KHLU dan BSLM [nipeh]; SLRG, APNS dan BNGR [nipiç]; PDG KYT [nipih]; SPG PLAI [tipuh]
licin	*licin	PRH dan APNS [letʃiŋ]; KRN, PDG KNYT, dan BNGR [litʃiŋ]; SLRG, KHLU, BSLM dan SPG PLAI [letʃiŋ].
putih	*putih	PRH, SLRG, KHLU, PDG KNYT, BNGR, SPG PLAI [puteh]; KRN, APNS, BSLM [putɛh]
ekor	*ikuy	<b>KHLU, SPG PLAI [iko]; PRH, BSLM [ekɔ]; KRN, SLRG, APNS, BNGR, PDG KNYT [ɛkɔ]</b>
esok	*isuk	<b>KHLU, SPG PLAI [isoʔ]; PRH, BSLM [esɔʔ]; KRN, SLRG, APNS, BNGR, PDG KNYT [ɛsɔʔ]</b>
orang	*uʏaŋ	<b>KHLU, SPG PLAI [uʏaŋ]; PRH, BSLM [oʏɛ]; KRN, BNGR [ɔʏa] SLRG, APNS [ɔʏeŋ]; dan PDG KNYT [ɔʏaŋ]</b>
otak	*u(n)təʔ	<b>KHLU, SPG PLAI [utaʔ]; PRH, BSLM [otoʔ]; KRN, BNGR [ɔtoʔ]; SLRG, APNS, PDG KNYT [ɔtaʔ]</b>

Walau bagaimanapun, keadaan menjadi rumit pula apabila melihat paparan dalam jadual di atas bagi kata ‘ekor’, ‘esok’, ‘orang’ dan ‘otak’ menunjukkan MP \*i > KHLU dan SPG PLAI [i] dan vokal \*u > KHLU dan SPG PLAI [u]. Gejala ini memperlihatkan retensi dari MP. Keadaan ini telah memisahkan dua varian tersebut daripada varian lain di HPU. Varian lain menunjukkan inovasi pada posisi suku kata awal ini iaitu : MP \*i > [e] dan [ɛ]; MP\*u > [u] dan [o] tertakluk pada varian yang dipapar dalam jadual.


## PERBINCANGAN

Hasil daripada pemaparan data dan perbincangan yang dilakukan pada dua bahagian di atas, terdapat dua isu yang dibahaskan. Pertamanya, dialek HPU memiliki enam sistem vokal iaitu /i, e, a, ə, u, o/. Kedua, daripada enam vokal yang dipaparkan, terdapat dua vokal merupakan inovasi daripada MP, iaitu /e/ dan /o/ dan selebihnya adalah retensi daripada MP. Isu kedua inilah yang akan dibincangkan dengan lebih mendalam. Setelah membuktikan adanya inovasi dan retensi, sekaligus menentukan jalur perkembangan vokal DHPU, yang akan menjadi fokus di sini ialah vokal /i/ dan /u/ pada posisi awal kata dan suku praakhir.

Menurut Asmah (2008), sistem enam vokal bahasa Melayu “...adalah perkembangan dari sistem empat-vokal bahasa Melayu Purba”, iaitu \*i, \*ə, \*a, dan \*u. Telah dibuktikan salah satu ciri bahasa Melayu Induk adalah vokal tinggi /i/ dan /u/ memperlihatkan pemecahan fonemik dari BAP, iaitu \*i menjadi /i/ dan /e/ dan \*u menjadi /u/ dan /o/. Menurut Asmah (2008), maklumat yang terkandung dalam pemecahan ini, merupakan perubahan yang kelihatan terjadi

secara bertahap. Misalnya, dalam dialek-dialek Melayu yang tersebar kini, juga mengalami pemecahan fonemik vokal /e/ menjadi [e] dan [ɛ], manakala vokal /o/ menjadi [o] dan [ɔ].

Gejala ini turut memperlihatkan berlakunya dalam dialek HPU, kerana masih memperlihatkan pemecahan yang sama, terdapat varian lain melanjutkan lagi pemecahan tersebut walaupun tidak fonemis seperti dalam paparan Jadual 12. Pemecahan ini difokuskan pada posisi suku kata awal. Pemecahan \*i > [e] dan \*u > [o] dapat dilihat dalam varian PRH dan BSLM, manakala \*i > [ɛ] dan \*u > [ɔ] dalam varian KRN, SLRG, APNS, PDG KNYT dan BNGR. Namun, berbeza gejalanya pada varian KHLU dan SPG PLAI kerana dilihat berlaku pengekaln vokal MP \*i dan \*u membolehkan dua varian ini dikategorikan sebagai dialek konservatif. Perkembangan ini dapat diringkaskan dalam Rajah 1.



Sumber: Ubahsuai Asmah 2008

RAJAH 1. Perkembangan vokal \*i dan \*u

Secara keseluruhannya, pada pandangan pengkaji lebih cenderung untuk menyimpulkan bahawa dialek Hulu Perak Utara Purba DHPUP memiliki sistem enam vokal, iaitu \*i, \*e, \*a, \*ə, \*u, dan \*o, dan sehingga kini, vokal dialek HPU adalah hasil daripada refleks secara langsung vokal dialek induknya. Pengkaji selari dengan pendapat Asmah (2008) yang merekonstruksi vokal BMP di dalam golongan sistem enam vokal. Collins (1983) juga mengakui bahawa dalam bahasa Malaysia dan beberapa dialek Melayu mempunyai bentuk turunan \*i dan \*u yang masing-masing [i], [e] dan [u], [o], bahkan pemisahan fonemik yang dibincangkan Asmah (2008) diterima sebagai fakta dalam varian linguistik. Misalnya kajian Rahim Aman et.al (2018) mengenai dialek Jugra, Selangor.

Berikut adalah hasil analisis rekonstruksi vokal DHPUP yang memperincikan bahawa DHPUP memiliki sistem enam vokal seperti BMP yang direkonstruksikan oleh Asmah (2008).

### Rekonstruksi Fonem Vokal DHPUP

Berdasarkan perangkat kesepadanan kosa kata yang dilakukan didapati DHPUP memiliki 6 buah vokal yang terdiri daripada \*i, \*e, \*u, \*o, \*ə dan \*a. Secara tidak langsung, vokal ini memperlihatkan inovasi daripada vokal bahasa Melayik Purba (MP) seperti mana yang diutarakan oleh Adeelar (1992), yang hanya memiliki 4 vokal purba \*i, \*u, \*ə dan \*a. Vokal DHPUP ini dapat dikelompokkan kepada tiga jenis vokal. Pertama, vokal depan \*i dan \*e.

Kedua vokal tengah \*ə dan \*a dan ketiga, vokal belakang \*u dan \*o. Ringkasnya, paparan vokal ini dapat dilihat dalam Jadual 13.

JADUAL 13. Inventori vokal DHPUP

	Depan	Tengah	Belakang
Tinggi	*i		*u
Separuh tinggi	*e		*o
Madya		*ə	
Rendah		*a	

Jelaslah paparan vokal DHPUP dalam Jadual 13 melebihi dua jenis vokal daripada MP, iaitu inovasi vokal \*e dan \*o daripada MP. Berdasarkan pandangan Adeelar (1992), beliau tidak merekonstruksi vokal [e] dan [o] kerana kedua-dua vokal ini dianggap sebagai perkembangan daripada vokal [i] dan [u] dalam dialek-dialek Melayu lain. Begitu juga dengan pandangan daripada Collins (1983:379) yang menyatakan sebab utama \*i dan \*u direkonstruksi adalah terletak pada penyebaran /e/ dan /o/ dalam dialek-dialek Melayu yang menjadi pemisah.

Berbeza dengan kajian DHPU, data yang diperolehi dalam 9 varian yang dikaji dapat membuktikan bahawa vokal \*e dan \*o wajar untuk direkonstruksikan. Rekonstruksi vokal DHPUP ini adalah pada peringkat awal. Terdapat dua alasan yang munasabah sebab vokal ini direkonstruksikan. Pertama, wujud beberapa pasangan minimal yang telah diterangkan dalam bahagian sebelum ini, iaitu bagi fonem /e/ untuk kata 'naik' dan 'nak' serta fonem /o/ untuk kata 'kasar' dan 'kasau'. Alasan kedua, kedua-dua vokal ini juga telah menepati keempat-empat syarat rekonstruksi fonem yang di utarakan oleh Crowley (2010:85-91) dan Rahim Aman (2008) iaitu:

1. Bentuk perubahan bahasa purba tersebut dapat diterima akal yang didasari dengan bukti yang kukuh, misalnya berlaku dalam semua bahasa dunia
2. Sebuah fonem yang distribusinya paling banyak dalam bahasa turunan, dianggap sebagai refleks linear daripada fonem purba
3. Proses rekonstruksi perlu mempunyai inventori fonem purba yang seimbang.
4. Sebuah fonem itu tidak boleh direkonstruksikan sehingga fonem tersebut benar-benar wujud dan dapat dibuktikan dalam bahasa turunan.

Oleh hal yang demikian, peringkat awal rekonstruksi bagi DHPUP ini akan merekonstruksikan sebanyak 6 vokal purba yang dinyatakan dalam perbincangan di atas. Secara umumnya DHPUP ini telah memperlihatkan keistimewaannya yang tersendiri jika ingin dibandingkan dengan dialek-dialek Melayu yang lain. Berikut adalah hasil rekonstruksi vokal DHPUP yang dianalisis dipersembahkan dalam bentuk jadual-jadual berikut.

### Rekonstruksi Fonem Vokal Hadapan DHPUP \*i dan \*e

DHPUP memiliki dua vokal depan, iaitu vokal depan tinggi \*i dan vokal depan separuh tinggi \*e. Vokal DHPUP \*i hadir pada semua posisi kata, iaitu pada posisi awal kata, suku kata praakhir, suku kata akhir terbuka dan tertutup. Pada suku kata praakhir dan suku kata akhir tertutup, DHPUP \*i muncul dalam beberapa bentuk berbeza, misalnya \*i kepada [i] dan [iʰ] di

akhir kata. Jadual 14 menunjukkan contoh kehadiran DHPUP \*i dalam kesemua sembilan varian yang dikaji.

JADUAL 14. Refleks MP \*i kepada DHPUP dalam 9 Varian

Vokal *i	Penyebaran pada posisi	Contoh Refleks MP kepada DHPUP dan dalam 9 varian HPU
*i	Awal kata	MP *ikan ‘ikan’ > DHPUP *ikaŋ; PRH ika: ; KRN, BNGR, APNS iken; SLRG ikeŋ; KHLU ikaŋ; PDG KNYT, BSLM dan SPG PLAI ike  MP *ikat ‘ikat’ > DHPUP *ikat; PRH, KRN, SLRG, APNS, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI ika?; KHLU bəyəkah
	Suku kata praakhir	MP *ka-iri ‘kiri’ > DHPUP *kiŋi; PRH, SLRG, APNS, KHLU, SPG PLAI kʰiŋi; BNGR, dan BSLM kiŋi; PDG KNYT dan KRN kiriʷ
	Suku kata akhir tertutup	MP *kunit ‘kuning’ > DHPUP *kuniŋ; PRH kune ŋ; KRN, BNGR dan BSLM kunin; SLRG kuneŋ; APNS, KHLU, PDG KNYT, dan SPG PLAI kuniŋ
	Suku kata akhir terbuka	MP *nipis ‘nipis’ > DHPUP *nipih; PRH *nipeh; KRN, KHLU dan BSLM nipeh; SLRG, APNS dan BNGR nipic; PDG KNYT nipih; SPG PLAI tipuh MP *hari ‘hari’ > DHPUP *haŋi; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI haŋi .  MP *gigi ‘gigi’ > DHPUP *gigi; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI gigiʷ .  MP *pagi ‘pagi’ > DHPUP *pagi; ; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI pagiʷ

Manakala vokal depan separuh tinggi \*e kehadirannya dapat dilihat awal kata, suku kata akhir tertutup dan suku kata akhir. Pada suku kata akhir tertutup, DHPUP \*e muncul dalam beberapa bentuk berbeza, misalnya \*e kepada [ɛ] dan [aʷ], manakala di suku kata akhir terbuka, \*e mempunyai alofon dengan [ɛ]. Walau bagaimanapun, ini adalah rekonstruksi pada peringkat awal. Kewujudan [e] di akhir kata amat kurang di lapangan, jadi rekonstruksi semula boleh menjadi penambahbaikan dalam kes ini. **Error! Reference source not found.** 15 menunjukkan contoh kehadiran DHPUP \*e dalam kesemua sembilan varian yang dikaji.

JADUAL 15. Rekonstruksi vokal \*e DHPUP dalam 9 Varian

Vokal *e	Penyebaran pada posisi	Rekonstruksi vokal *e DHPUP dalam 9 varian HPU
*e	Awal kata	DHPUP *eko > PRH, BSLM ekɔ; KRN, PDG KNYT, BNGR, SLRNG, APNS ekɔ; KHLU, SPG PLAI iko
	Suku kata akhir tertutup	DHPUP *adek ‘adik’ > PRH, KRN, SLRNG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI ade?  DHPUP *nek ‘naik’ > PRH, KRN, PDG KNYT, BSLM ne?; SLRG, APNS, KHLU, SPG PLAI ne?
	Suku kata akhir	DHPUP *ne ‘enam’ > PRH, SLRG, BSLM ne; KRN, APNS, PDG KNYT, BNGR, SPG PLAI ne; KHLU nanj.  DHPUP *pase ‘pasir’> PRH pasæ; KRN, SLRG, KHLU, BNGR pase; APNS, PDG KNYT, BSLM, SPG PLAI pase

### Rekonstruksi Fonem Vokal Tengah DHPUP \*a dan \*ə

DHPUP memiliki dua vokal tengah, iaitu vokal tengah \*a dan \*ə. Vokal DHPUP \*a hadir pada semua posisi kata, iaitu pada posisi awal kata, suku kata praakhir, suku kata akhir tertutup dan akhir kata. Vokal ini direkonstruksi berdasarkan kesepadanan bunyi yang teratur dalam kesemua varian yang dikaji. Refleks DHPUP \*a > MP\*a boleh dilihat dalam Jadual 16.

JADUAL 16. Refleks MP \*a kepada DHPUP dan 9 Varian

Vokal *a	Penyebaran pada posisi	Contoh Refleks MP kepada DHPUP dalam 9 varian
*a	Awal kata	MP *akaŋ ‘akar’ > DHPUP *aka; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, BNGR, PDG KNYT, BSLM, dan SPG PLAI aka:  MP *asəp ‘asap’ > DHPUP asap; KRN dan PDG KNYT asap; PRH, SLRG, APNS, KHLU, BNGR, BSLM dan SPG PLAI asa?.
	Suku kata praakhir	MP *bakaŋ ‘bakar’ > DHPUP *baka ; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, BNGR, PDG KNYT, BSLM, dan SPG PLAI baka:  MP *darah ‘darah’ > DHPUP *dayoh; PRH, APNS, SLRG, BNGR dan BSLM dayoh; KRN darəh; KHLU dan SPG PLAI dayah; PDG KNYT darah



Suku kata akhir tertutup	<p><b>/-an/</b> MP *taŋan ‘tangan’ &gt; DHPUP *taŋaŋ; PRH, BSLM, taŋe; KRN, APNS dan BNGR taŋen; KHLU, PDG KNYT, SPG PLAI taŋaŋ; SLRG taŋeŋ.</p> <p><b>/-at/</b> MP*bərat ‘berat’ &gt; DHPUP *bəʔat; PRH, KRN, SLRNG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI bəʔaʔ</p> <p><b>/-as/</b> MP *malas ‘malas’ &gt; DHPUP *malah; PRH, KRN, dan PDG KNYT malah; SLRG, APNS dan BNGR malaç; KHLU, PDG KNYT, dan SPG PLAI maleh; BSLM maləh</p> <p><b>/-ak/</b> MP *m/asak/tanak ‘masak’ &gt; DHPUP *masak; PRH, KRN, dan BSLM masəʔ; SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR dan SPG PLAI masaʔ.</p>
Akhir kata	MP* muka> DHPUP * muka; PRH, KRN, BNGR, dan BSLM mukə; SLRG, KHLU, PDG KNYT, APNS, dan SPG PLAI muka.

Seterusnya, vokal tengah separuh rendah DHPUP \*ə hanya hadir pada posisi suku kata praakhir dalam semua varian HPU. Berdasarkan kesepadanan yang teratur pada posisi tersebut, maka fonem /ə/ boleh direkonstruksikan. Vokal DHPUP \*ə merupakan warisan secara langsung daripada MP \*ə. Selain daripada itu, \*ə dilihat hadir secara geluncuran pada suku kata pertama, yang melibatkan kata trisuku. Berikut dipaparkan contoh refleks DHPUP \*ə dalam ke semua sembilan varian HPU. Rujuk Jadual 17.

JADUAL 17. Refleks MP \*ə kepada DHPUP dalam 9 Varian

Vokal *ə	Penyebaran pada posisi	Contoh Refleks MP kepada DHPUP dalam 9 varian
*ə	Awal kata	-
	Suku kata praakhir	MP *dəkat ‘dekat’ > DHPUP *dəkat; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM, dan SPG PLAI dəkaʔ
	Akhir kata	MP* bəŋkak ‘bengkak’ > DHPUP *bəkok; PRH dan BSLM bəkoʔ; KRN, SLRG, BNGR, dan SPG PLAI bəkoʔ; APNS, KHLU, dan PDG KNYT bəkaʔ
		-

### Rekonstruksi Fonem Belakang DHPUP \*u dan \*o

Vokal belakang tinggi \*u hadir pada semua posisi suku kata, iaitu pada posisi awal kata, suku kata praakhir, suku kata akhir tertutup dan akhir kata. Vokal purba ini direkonstruksikan berdasarkan kesepadanan yang teratur dalam kesemua varian. Refleks \*u pada posisi suku kata akhir memperlihatkan alofon u<sup>w</sup>. Jadual 18 menunjukkan contoh refleks DHPUP \*u.

JADUAL 18. Refleks MP \*u kepada DHPUP dalam 9 Varian

Vokal *u	Penyebaran pada posisi	Contoh Refleks MP kepada DHPUP dalam 9 varian
*u	Awal kata	MP *uləʏ ‘ular’ > DHPUP *ula; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, dan SPG PLAI ula: ; BNGR dan BSLM ulə.
	Suku kata praakhir	MP *m/u(n)tah ‘muntah’ > DHPUP *mutoh; PRH dan BNGR, mutoh; KRN, SLRG, BSLM, BNGR mutoh; APNS, KHLU, PDG KNYT, dan SPG PLAI mutah.  MP *tulaŋ ‘tulang’ > DHPUP *tulaŋ; KHLU, PDG KNYT, KRN, BNGR tulaŋ; PRH, BSLM dan SPG PLAI tula:; SLRG, APNS, tulan.
	Suku kata akhir tertutup	MP *bunuh ‘bunuh’ > DHPUP * bunuh; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI bunuh.  MP *dəbu ‘debu’ > DHPUP *dəbuh; PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI dəbuh  MP*cium > DHPUP *tʃiuŋ ; PRH, KRN, APNS, PDG KNYT, BSLM, SPG PLAI tʃiuŋ; SLRG, KHLU dan BNGR tiuŋ
	Akhir kata	MP*malu ‘malu’ > DHPUP *malu; PRH, KRN, SLRNG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI malu <sup>w</sup> .  MP *habu ‘abu’ > DHPUP *habu; PRH, KRN, SLRNG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI habu <sup>w</sup> .

Seterusnya adalah rekonstruksi vokal belakang separuh tinggi \*o. Situasi vokal \*o ini juga mempunyai persamaan dengan vokal \*e. Vokal \*o memperlihatkan kehadirannya juga pada semua posisi kata. Vokal \*o ini memperlihatkan alofon yang berbeza seperti /ɔ/ pada posisi suku

kata praakhir, dan /ɔ/, /o<sup>w</sup>/ pada suku kata akhir tertutup. Jadual 19 menunjukkan contoh refleks DHPUP \*o dalam ke semua sembilan varian HPU.

JADUAL 19. Rekonstruksi vokal belakang separuh tinggi \*o dalam 9 varian HPU

Vokal *o	Penyebaran pada posisi	Contoh DHPUP dalam 9 varian
*o	Awal kata	DHPUP *oɣaŋ ‘orang’ > PRH, BSLM oɣe; KRN, BNGR oɣa; SLRG, APNS oɣeŋ; PDG KNYT oɣaŋ; KHLU dan SPG PLAI uɣaŋ
		DHPUP *otak ‘otak’ > PRH, BSLM otoʔ; KRN otɔʔ, SLRNG APNS, BNGR, PDG KNYT ɔtaʔ; KHLU dan SPG PLAI utaʔ
	Suku kata praakhir	DHPUP *pokok ‘pohon’ > PRH, BSLM pokoʔ; KRN, SLRG, APNS, KHLU, BNGR, SPG PLAI PDG KNYT pokɔʔ
		DHPUP *bojo ‘buaya’ > PRH, KRN, SLRG, BNGR, BSLM bojo; APNS, KHLU, SPG PLAI dan PDG KNYT boja
	Suku kata akhir tertutup	DHPUP *dʒaŋ ‘mendung’ > KRN, BNGR dʒaŋ <sup>w</sup> ; SLRG, KHLU, BSLM, SPG PLAI dʒaŋ, PRH APNS ɣəduʔ; PDG KNYT ɣədup
		DHPUP *guyoh ‘guruh’ > PRH, APNS, SLRG, KHLU, BNGR, BSLM, SPG PLAI guyoh; PDG KNYT dan KRN guroh.
Suku kata akhir	DHPUP *dʒaŋ ‘mendung’ > KRN, BNGR dʒaŋ <sup>w</sup> ; SLRG, KHLU, BSLM, SPG PLAI dʒaŋ, PRH APNS ɣəduʔ; PDG KNYT ɣədup	
	DHPUP *piso ‘pisau’ > PRH, SLRG, APNS, KHLU, BSLM, BNGR piso: KRN, PDG KNYT, SPG PLAI pisa:;	
		DHPUP *kaso ‘kasau’ > PRH, KRN, SLRNG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM, SPG PLAI kaso.

### KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah membincangkan beberapa aspek penting dalam menyoroti sistem vokal dialek HPU. Pertamanya adalah, sistem dialek HPU tergolong dalam kelompok dialek yang memiliki sistem enam vokal, manakala perkara yang kedua membincangkan tentang perkembangan sistem vokal itu melalui perbandingan dengan MP. Dapatan daripada kajian ini memperlihatkan sebanyak empat vokal diretensikan daripada vokal MP dan dua vokal

merupakan inovasi daripada MP, iaitu terhasil daripada pemecahan fonemik vokal MP \*i > /i/ dan /e/ ,dan MP \*u > /u/ dan /o/. Namun varian KHLU dan SPG PLAI memperlihatkan ciri retensi pantulan linear vokal tinggi MP \*i dan \*u pada posisi awal kata. tuntasnya fenomena perkembangan vokal di HPU memperlihatkan proses sebegini : vokal MP \*i > [i] > [e] > [ɛ] dan vokal MP \*u > [u] > [o] > [ɔ]. Namun, harus diakui, hasil daripada analisis rekonstruksi vokal dialek HPU /i, e, a, ə, u dan o/ masih mengekalkan keasliannya dengan memperlihatkan bentuk turunan vokal adalah refleks langsung daripada sistem enam vokal DHPUP /\*i, \*e, \*a, \*ə, \*u dan \*o/ yang secara tidak langsung memperlihatkan sistem enam vokal ini adalah refleksi daripada bahasa Melayu Purba hasil rekonstruksi oleh Asmah (2008). Hasil rekonstruksi vokal DHPUP memperlihatkan kepada umum bahawa DHPUP ini masih dituturkan oleh masyarakat HPU sehingga kini, walau bagaimanapun tidak dinafikan perkembangan turut juga berlaku dalam beberapa varian HPU seperti yang dibincangkan dalam pemecahan fonemik vokal tinggi. Jelaslah masih banyak kawasan kampung di HPU memperlihatkan ciri linguistik yang konservatif dan purba.

## RUJUKAN

- Abu Bakar Hamid. 1962. Sedikit Mengenai Fonologi Dialek Perak. Kuala Lumpur: *Dewan Bahasa* . Jil (5), 263-257
- Abdul Halim Nasir. 1977. *Sejarah Perak: siri pertama*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Negara.
- Adeelar, K.A. 1992. Proto-Malayic: The Reconstructions og Phonology and Parts of Its Morphology and Lexical. *Pacific Linguistic* C-119. Canberra: The Australia National University.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajid Che Kob. 2006. Linguistik Melayu. Dlm Zulkifley Hamid., Ramli M.S., & Rahim Aman. (Ed.), *Dialektologi* (ms. 127-141). Bangi UKM.
- Chambers, J.K & Trudgill, P. 1990. *Dialektologi*. Terj. Anuar Ayob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. 1983. *Dialek Ulu Terengganu*. Monograf 8, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM. Bangi: Penerbit UKM.
- Harun Mat Piah. 1983. Dialek Perak: Satu Tinjauan Ringkas. *Kertas Kerja Bengkel Kepimpinan & Pengajian Kebudayaan*. Jabatan Kebudayaan Belia & Sukan Negeri Perak 20-23 Oct: Ipoh.
- Ismail Hussein. 1973. *Malay Dialects in Peninsular*. Nusantara. Bil 3, 63-79.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman, & Shahidi A. Hamid. 2012. Menelusuri Alur lembangan Hulu Pahang: Menjejaki Sistem Vokal Dialek Hulu Pahang. Dlm Rahim Aman (Eds). *Bahasa Melayu Bahasa Universal* (pp 79- 96). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman, & Shahidi A. Hamid. 2013. Inovasi dan Retensi dalam Dialek Hulu Tembeling. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(3), 211-222.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman, & Shahidi A. Hamid. 2014. *Fosil Dialek Melayu Hulu Pahang*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nur Habibah C.R & Rahim Aman. 2020. Varian Hulu Perak Utara: Fenomena di Gerik dan Pengkalan Hulu. *Jurnal Melayu* 19(2), 216-243.
- Nur Habibah C.R, Rahim Aman & Shahidi A.H. 2021. Kesan Persempadanan Kawasan Berdasarkan Kajian Linguistik Bandingan. *Geografia OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 17 issue 4 (45-61).
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Penyebaran Dialek Patani di Perak: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 8(2), 310-330.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Sanit, Zaharani Ahmad, & Harishon Mohd. Radzi. 2016. Variasi Kata Ganti Nama Dialek Persisiran Sungai Perak: Analisis *Geographical Information System (GIS)*. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(1), 109-123
- Nor Hisham Osman. 1994. *Kajian Pemilihan Bahasa di Kawasan Perumahan Ulu Dedap, Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norliza Jamaluddin. 2002. Pentakrifan Dialek Perak dalam Kamus. *Jurnal Bahasa*, 2(3), 490-501.
- Rahim Aman, Shahidi A.H., Rusydiah A. Salam, Fatin Hakimah M. Fadzil, Suhailah Ruslan. 2018. Recontruction of The Ancient Jugra Dialect. *Jurnal Melayu*, 17(2), 160-177.
- Raja Mukhtaruddin. 1986. *Dialek Perak*. Ipoh : Yayasan Perak.
- Rohani Mohd Yusof. 2003. Kuala Kangsar sebagai Zon Transisi Dialek. *Jurnal Bahasa*, 3 (12), 588-606.
- Ruslan Uthai. 2011. *Keistimewaan Dialek Melayu Patani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sakinah & Fazal Mohamed. 2016. Bentuk dan Kedudukan Kata Tanya Dialek Perak Utara: Satu Huraian Deskriptif. *Jurnal Bahasa*, 6(2), 53-274.
- Siti Noraini Hamzah., Nor Hashimah J., & Zaharani Ahmad. 2014. Variasi dialek Melayu Perak Utara: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Linguistik*, 18(2), 30-46.
- Tajul Arippin Khasin. 2002. Penasalan Vokal dalam Bahasa Melayu Standard dan Dialek Patani Gerik: Satu Huraian Perbandingan. *Jurnal Bahasa*, 2(3), 374-395.
- Tajul Arippin Khasin & Tarmiji Misron 2014. Persamaan dan Perbezaan Fonologi Dialek Melayu Patani Gerik, Lenggong, Batu Kurau. Dlm Noriah Mohamed (Ed.), *Pendekatan Kontrasif dan Komparatif Bahasa-bahasa di Malaysia*. (ms 37-58) Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Zaharani Ahmad. 1991. *The Phonology and Morphology of Perak Dialect*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

### **Biodata penulis:**

**Nur Habibah C.R** (PhD) ialah Pensyarah di Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Fonologi dan Linguistik Bandingan Sejarahawi.

**Rahim Aman** (PhD) merupakan Profesor di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Linguistik Sejarah dan Dialektologi.

**Shahidi A.H.** (PhD) merupakan Profesor Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Dialektologi Melayu, Fonetik Akustik dan Pembelajaran Bahasa Kedua.